

# Era Pembentukan

(1921-1956)

UTUSAN MALAYSIA

(09/11/2021) M1524

**TAHUN-TAHUN** awal selepas pelantikan Reade menyaksikan aktiviti perancangan bandar ketika itu lebih tertumpu kepada Negeri-negeri Selat serta bandar-bandar utama di Negeri-negeri Melayu Bersekutu seperti Taiping, Ipoh dan Kuala Lumpur.

Antara tindakan awal yang diambil oleh Reade adalah menjalankan Tinjauan Umum (*General Survey*) ke atas bandar-bandar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dalam usaha memahami keadaan semasa.

Hasil tinjauan yang diadakan, Reade seterusnya mencadangkan agar diwujudkan perundangan perancangan bandar untuk mengawal selia aktiviti perancangan, membentuk dasar dan pentadbiran yang tetap di peringkat daerah dan ibu pejabat, menyediakan Pelan Umum Bandar (*General Town Plans*) serta mewujudkan kawalan efektif ke atas pemberian tanah negeri, pelaksanaan pecah bahagi, kerja-kerja operasi bangunan dan kerja-kerja pembangunan bandar berdasarkan Pelan Umum Bandar dan skim pembaikan yang disediakan.

Reade merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mewujudkan perundangan perancangan bandar di Tanah Melayu.

Pada 1923, *Town Planning Enactment 1923* telah diluluskan dan dilaksanakan sepenuhnya pada 1925.



**CHARLES COMPTON READE**

Walaupun mendapat kritikan terutama kelewatan dalam memproses permohonan perancangan serta andaian pertindihan kuasa antara Residen dan Perancang Bandar, Reade tidak berputus asa dan telah melaksanakan pindaan kepada Enakmen tersebut sehingga diluluskan sebagai *Town Planning Enactment 1927*.

R. P. Davies yang menggantikan beliau telah meneruskan usaha pembentukan perundangan perancangan bandar melalui *Sanitary Boards Enactment 1929*.

Ia kemudiannya ditambah baik menjadi *Sanitary Boards Enactment of the Malay States (F. M.S. CAP 137)* yang menjadi asas kepada penggabungan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

Dalam masa yang sama, Reade juga terlibat dengan penyediaan


pelan susun atur bandar terawal di negara ini iaitu Bandar Kuala Kubu Bharu pada 1924. Pelan susun atur tersebut disediakan bagi menempatkan semula pekan lama di Ampang Pechah yang sering dilanda banjir. Pelan susun atur ini telah direka bentuk oleh Reade berkonsepkan bandar dalam taman yang dipelopori oleh Ebenezer Howard.

Dalam usaha untuk memperkenalkan perkhidmatan perancangan bandar, satu Pameran Perancangan Bandar telah diadakan buat pertama kalinya di Tanah Melayu bagi Bandar Kuala Lumpur pada 27 hingga 31 Ogos 1926.

Pameran tersebut antara lainnya telah memaparkan koleksi pelan-pelan, gambar-gambar serta gambar rajah-gambar rajah perancangan yang komprehensif dan dikemas kini dengan memberi contoh bandar di Great Britain, negara-negara Eropah, Amerika Syarikat, India, Australia dan negara-negara lain di bawah pentadbiran penjajah.

Satu lagi pameran seumpamanya telah diadakan pada 26 September hingga 1 Oktober 1927 di Ipoh Town Hall sempena pengisytiharan Ipoh sebagai ibu negeri Perak.

Bezanya, pameran kali ini turut memamerkan koleksi pelan-pelan tempatan dan gambar-gambar perancangan bandar termasuk aktiviti perumahan di Kuala Lumpur, Ipoh serta bandar-bandar utama lain di Tanah Melayu.



**PELAN** susun atur Bandar Kuala Kubu Bharu.

## Menempuh Cabaran

(1957-1976)


**KEMERDEKAAN** yang dikecapi oleh Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 merupakan permulaan kepada era yang lebih mencabar untuk perancangan bandar dan desa, terutama apabila negara perlu berdikari selepas British melepaskan kuasanya.

Walau bagaimanapun, kita agak beruntung apabila British meninggalkan asas perundangan serta struktur institusi perancangan yang kukuh untuk ditambah baik mengikut acuan sendiri.


Di bawah Perlembagaan Persekutuan yang baru dibentuk,



**MOHD. ROSLI BUYONG**  
(Warganegara pertama dilantik sebagai Ketua Pengarah JPBD)



**BANDAR** Kuala Kubu Bharu.



Persekutuan yang baru dibentuk, perancangan bandar dan desa telah diletakkan di bawah Senarai Bersama, di mana pembahagian kuasa perundangan menetapkan kedua-dua badan perundangan Persekutuan dan negeri boleh membuat undang-undang berkaitan dengannya.

Sistem perancangan pada ketika itu telah dijalankan berdasarkan kepada sistem dua peringkat iaitu Persekutuan dan negeri. Bagi mempercepat dan melicinkan proses pembangunan negara dengan lebih teratur, tugas pengawalan perancangan disalurkan ke peringkat negeri, manakala pembentukan dasar di peringkat Persekutuan.

Selaras dengan itu, organisasi Jabatan telah disusun semula dengan menubuhkan pejabat di peringkat negeri bagi Semenanjung Malaysia. Ini telah dilaksanakan secara berperingkat mulai 1958 hingga 1978.

Jabatan Perancang Bandar dan Kampung (JPBK) pertama yang ditubuhkan adalah JPBK Negeri Perak (1958).

Pada ketika itu juga, pembangunan tanah adalah asas utama kepada



**Di bawah Perlembagaan Persekutuan yang baru dibentuk, perancangan bandar dan desa telah diletakkan di bawah Senarai Bersama, di mana pembahagian kuasa perundangan menetapkan kedua-dua badan perundangan Persekutuan dan negeri boleh membuat undang-undang berkaitan dengannya."**